

Pemuda BN akur penjelasan Khairy

Pemimpin diminta hati-hati buat kenyataan

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Pemimpin Pemuda Barisan Nasional (BN), menerima dan berpuas hati dengan penjelasan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin berhubung kenyataannya yang disalah tafsir hingga mengguris hati masyarakat Cina.

Ketua Pemuda BN, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata seajar penerimaan itu, semua barisan Pemuda BN akan memberi penjelasan kepada exco masing-masing untuk dimaklumkan ke peringkat akar umbi.

Katanya, dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemuda BN yang berlangsung hampir empat jam di sini, semalam semua wakil parti komponen BN menyuarakan apa yang terbuku di hati berhubung isu itu dan Khairy kemudian memberi penjelasan.

Hishammuddin berkata, Khairy menjelaskan beliau langsung tidak berniat menidakkan mana-mana kaum dalam perjuangan dan berharap isu itu dapat ditangani bersama dan semua pihak memberi penjela-

san kepada exco masing-masing bagi mengelak ia disalah tafsir lagi.

"Jika ada lagi rasa tidak puas hati di kalangan parti komponen BN berhubung isu itu selepas ini, mereka bolehlah mengemukakannya menerusi saluran yang betul iaitu jawatankuasa tertinggi Pemuda BN.

"Isu berhubung kait dengan kaum, agama dan emosi dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia tidak akan selesai, cuma kita perlu berusaha mengekangnya supaya ia tidak merebak dan berlarutan hingga memecahbelahkan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat itu semalam. Hadir sama, Khairy; Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lai; Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong dan ketua pemuda parti komponen BN lain..

Ogos lalu, dalam satu dialog dengan perwakilan Umno di Kedah, Khairy mengeluarkan komen bahawa masyarakat Cina mengambil kesempatan ketika Umno diserang dengan kritikan pedas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan membuat pelbagai tuntutan

terhadap kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Berikutan kenyataannya itu, masyarakat Cina menuduh Khairy cuba membangkitkan isu perkauman dan membelakangkan semangat BN serta mendesak supaya meminta maaf kepada MCA dan masyarakat Cina.

Hishammuddin berkata, hanya masa akan menentukan keikhlasan pemimpin Pemuda BN untuk bekerjasama dan menerima penjelasan Khairy berhubung kenyataan yang disalah tafsir itu, dan ia akan terlihat menerusi tindakan pemimpin berkenaan.

"Nak katakan bahawa isu ini selesai dengan hanya satu mesyuarat (mungkin sukar), tapi kita sudah bertekad bahawa Pemuda BN akan membuktikan menerusi tindak tanduk kita sendiri bahawa apa yang kita buat adalah untuk semua," katanya.

Hishammuddin berkata, bagi mengelakkan isu begitu berulang, beliau menasihatkan semua pemimpin Pemuda BN supaya berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan kerana jika ia disalah tafsir, akan mengambil masa membetulkan keadaan.